

Handheld memperkenalkan RS60 Ring Scanner boleh dipakai yang baharu

LIDKÖPING, Sweden, Aug. 26, 2021 /PRNewswire/ -- [Handheld Group](#), sebuah syarikat pengeluar komputer mudah alih tahan lasak yang terkemuka, hari ini memperkenalkan RS60 Ring Scanner (Pengimbas Cincin), penyelesaian pengimbasan bebas tangan yang selesa untuk digunakan di gudang, peruncitan, pengedaran dan keadaan lain yang amat memerlukan pengimbasan mudah alih. Peranti ini merupakan yang kedua daripada barisan produk boleh dipakai yang baharu diperkenalkan oleh Handheld selepas SP500X ScanPrinter yang dikeluarkan awal bulan ini.

Untuk melihat Siaran Berita Multimedia, sila klik: <https://www.multivu.com/players/uk/8941251-handheld-introduces-new-wearable-rs60-ring-scanner/>

"[Pengimbas cincin RS60](#) baharu ini memiliki kecekapan dan juga mobiliti. Ia boleh dipakai sama ada di tangan kanan atau kiri supaya pekerja boleh memaksimumkan produktiviti secara bebas tangan," kata Johan Hed, Pengarah Pengurusan Produk Handheld. "Berbanding memegang peranti pengimbasan, pengimbas cincin boleh dipakai dan membolehkan para pekerja gudang hanya tunjuk dan klik yang memberikan kebebasan kepada mereka untuk turut memindahkan produk dan bungkusan."

Ciri-ciri utama pengimbas cincin RS60:

- Mempunyai kecekapan pengimbas tradisional dan penyelesaian boleh dipakai bebas tangan yang menyenangkan
- 'Super-fast 2D-imager' (pengimbas imej 2D teramat pantas) mengimbas kod bar dengan tepat sambil bergerak
- Ketik untuk dipasangkan dengan mana-mana peranti yang menggunakan NFC atau imbas kod bar untuk menyambung
- Kelas 1 Bluetooth membolehkan para pekerja tetap bersambung dengan peranti yang jaraknya sejauh 100 m (300 kaki)
- IP65 yang kalis habuk dan air, beroperasi pada suhu 0°C hingga 50°C dan boleh bertahan walaupun beberapa kali terjatuh di atas konkrit
- Ia mempunyai waktu jalan hingga 11 jam
- Mempunyai aksesori berfokuskan perusahaan yang merangkumi stesen pengecasan empat slot dan pengecas bateri lapan slot

"Perusahaan semakin melihat nilainya dalam melengkapkan para pekerja mereka dengan alatan untuk memaksimumkan kecekapan dan mobiliti. Barisan produk boleh dipakai baharu kami direka untuk memenuhi keperluan tersebut," kata Thomas Löfblad, Ketua Pegawai Eksekutif Handheld Group. "Handheld sentiasa fokus tentang pengkomputeran mudah alih dan kami akan terus memperluas barisan produk boleh dipakai kami pada masa hadapan."

Ketersediaan

Peranti ini mempunyai stok dan tersedia untuk pesanan serta penghantaran segera.

Pautan berguna

[Maklumat produk pengimbas cincin RS60](#)

[Video produk](#)

[Gambar media RS60](#)

[Barisan produk Handheld](#)

Tentang Handheld

Handheld Group ialah pengilang dan pembekal global komputer mudah alih tahan lasak termasuk telefon bimbit dan tablet. Handheld dan rakan kongsinya di seluruh dunia memberikan penyelesaian mudah alih yang lengkap kepada perniagaan dalam industri seperti geomatik, logistik, perhutanan, pengangkutan awam, utiliti, pembinaan, penyelenggaraan, perlombongan,

ketenteraan dan keselamatan. Handheld Group beribu pejabat di Sweden dan mempunyai anak syarikat di Finland, U.K., Belanda, Itali, Jerman, Switzerland, Australia dan Amerika Syarikat. Ketahui lebih lanjut di www.handheldgroup.com

Video - <https://www.youtube.com/watch?v=Obx762BhGHo>

Hubungan media: Sofia Löfblad, Pengarah Pemasaran, s.lofblad@handheldgroup.com, Handheld Group, Sweden: +46 510 54 71 70, Amy Urban, Pengarah Pemasaran, a.urban@handheld-us.com, Handheld US, 541-752-0319